

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 16 MAC 2016

RUJUKAN : 8592

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang sedia ada mengikut negara asal mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Januari 2016 bagi lima (5) sektor formal yang dibenarkan iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing adalah seramai 2,079,879 orang.

Pecahan mengikut lima (5) warganegara tertinggi bagi tempoh sehingga 31 Januari 2016 adalah seperti berikut :

BIL.	WARGANEGARA	JUMLAH (ORANG)
1.	Indonesia	819,773
2.	Nepal	483,908
3.	Bangladesh	272,036
4.	Myanmar	143,623
5.	India	135,921
6	Lain –lain	224,618
JUMLAH		2,079,879